

Sokong DAP , bukti Pas tentang negara Islam

UM 29 MAR 2002
SHAH ALAM 28 Mac —

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Pas menyokong calon DAP pada **kempen** pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Ketari, **menunjukkan** bahawa Pas sebenarnya menentang **penubuhan** sebuah negara Islam

Perdana Menteri berkata, ini kerana DAP sebelum ini ielas menentang penubuhan negara Islam seperti yang diumumkan oleh kerajaan.

Beliau berkata, walaupun Pas tahu DAP menentang penubuhan negara Islam, namun parti tersebut tetap juga menyokong DAP.

“Pas menyokong calon DAP walaupun DAP tidak menyokong penubuhan sebuah negara Islam.

“Sokongan Pas kepada DAP jelas bermakna Pas menentang penubuhan sebuah negara Islam,” katanya mengulas mengenai kejasama Pas dan DAP pada pilihan raya kecil Ketari

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan kilang Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd. dan melancarkan **kren buatan** Malaysia yang diberi nama Bangau, di Jalan Kampung Jawa di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan sebelum ini telah mengumumkan negara ini sebagai sebuah negara Islam tetapi tindakan tersebut dikritik oleh DAP.

“Kini Pas pula menyokong DAP yang bermakna Pas menentang penubuhan sebuah negara Islam,” katanya.

Di samping itu kata beliau, perjalanan **kempen-kempen** pilihan raya kecil di Ketari kini berjalan lancar dan semuanya berada dalam keadaan baik.